

Pak Lah dijemput sertai Himpunan Oren 14 Julai
FreeMalaysiaToday
June 25, 2012
Oleh Jamilah Kamarudin

Pak Lah dijemput menyertai himpunan ini kerana semasa menjadi Perdana Menteri beliau telah berjasa kerana 'menyelamatkan' Felda dari tersenarai.

KUALA LUMPUR: Tokoh pemimpin veteran Barisan Nasional (BN) dijangka akan menyertai 'Himpunan Oren Selamatkan Felda' pada 14 Julai depan bagi membantah penyenaian Felda Global Ventures Holdings (FGVH) ke Bursa Saham.

Antaranya, mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi, mantan Timbalan Perdana Menteri Tun Musa Hitam, veteran Umno Tengku Razaleigh Tengku Mohd Hamzah, anak bekas Timbalan Perdana Menteri Almarhum Tun Abdul Ghafar Baba, Mohd Tamrin Abdul Ghafar, dan bekas Pengerusi Felda Tan Sri Raja Muhammad Alias Raja Ali.

Presiden Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) Mazlan Aliman berkata, Pak Lah dijemput menyertai himpunan ini kerana semasa menjadi Perdana Menteri beliau telah berjasa 'menyelamatkan' Felda daripada tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada tahun 2004.

Ini berikutan cadangan penyenaian Felda Holdings ke BSKL pernah dibuat sejak zaman mantan Tun Dr Mahathir Mohamad dan hampir menjadi kenyataan setelah Mahathir kemukakannya dalam Bajet 2003.

Namun, cadangan itu dibatalkan tidak sampai sebulan selepas Pak Lah mengambil alih tampuk pimpinan atas nasihat bekas Pengerusi Felda Tan Sri Yusof Noor yang pada ketika itu juga baru sebulan memegang jawatan tersebut.

"Tak tahu Felda jadi apa sekarang kalau Pak Lah sambung apa yang vdiasaskan Tun Mahathir, kita tak tahu Felda wujud lagi atau tidak.

"Disebabkan keprihatinan itu kita jemput beliau dan belum terlambat kalau Pak Lah bagi nasihat kepada Najib," katanya dalam sidang media di ibu pejabat PAS di sini hari ini.

Mazlan berkata, pihaknya akan bertemu Pak Lah dan pemimpin lain dalam masa terdekat menjemput mereka sertai himpunan itu, dan yakin akan menerima respon positif.

Tiada pilihan

Sementara itu, beliau juga yakin himpunan yang akan diketuai Presiden PAS Tuan Guru Hadi Awang itu akan disertai lebih 100 NGO dan pemimpin politik termasuk tokoh veteran DAP Lim Kit Siang, Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim, serta Sasterawan Negara Tan Sri A Samad Said.

Beliau berkata pihaknya tidak akan tunduk pada sebarang tekanan untuk membela kepentingan 112,635 peneroka, 23,000 kakitangan Felda, serta 45,000 pekerja buruh ladang Felda yang 79 peratus daripadanya adalah Melayu.

"Kita tiada pilihan lain. Soal polis bagi izin atau tak itu bukan masalah kita. Kita mahu Perdana Menteri dan kerajaan mndengar suara

rakyat yang telah disampaikan melalui pelbagai sudut dan tindakan mahkamah," katanya.

Himpunan pada Sabtu itu nanti akan bermula di Masjid Wilayah Persekutuan Jalan Duta di sini pada pukul 2 petang selepas selesai solat Zuhur dan solat Hajat.

Kemudian kumpulan oren itu dijangka akan berarak sejauh 3.8 kilometer menuju ke Istana Jalan Duta dan menyerahkan memorandum kepada Yang DiPertuan Agong yang mewakili Majlis Raja-Raja (MRR) memohon pertimbangan campurtangan bantahan penyenaian FGVH.

Sementara itu, Mazlan berkata pihaknya juga akan meneruskan tindakan saman malu RM80 juta terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak selepas gagal mengemukakan maaf kerana mengeluarkan perkataan 'haram jadah' dalam ucapannya 8 Mei lalu.

Copyright (C) 2009-2012 MToday News Sdn. Bhd.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2012/06/25/pak-lah-dijangka-sertai-himpunan-oren-14-julai/>